



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**KETUA JURUTEKNIK MAKMAL (C.3-4 EB.5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**KETUA JURUTEKNIK MAKMAL
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Food Science (Food Biotechnology) / Kimia / Laboratory Science / Pertanian / Sains / Sains Biologi / Sains Makanan / Teknologi Makanan atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU


- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

KEMAHIRAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI UNIT SAINS TANAH DAN NUTRIEN TANAMAN

KEMAHIRAN:

1. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan makmal sains / *veterinary* adalah kelebihan.
2. Berkemahiran dalam pengendalian dan pemeliharaan peralatan-peralatan makmal serta teknik-teknik pemeriksaan / penganalisaan makmal adalah kelebihan.



3. Berkebolehan mengendali peralatan / peralatan berkomputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan makmal sains serta kemahiran dalam pengendalian, pemeliharaan peralatan dan teknik penganalisaan makmal adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam penyelenggaraan dan pengurusan perkhidmatan makmal sains / pertanian / *veterinar* / kimia;
2. Mengawas dan menyediakan perancangan organisasi kerja bagi staf makmal;
3. Melaksanakan kerja-kerja pentadbiran makmal termasuk kawalan stok barang makmal, permohonan, pembelian dan penerimaan perbekalan;
4. Melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penganalisaan serta menentukan teknik-teknik pemeriksaan dan penganalisaan yang bersesuaian;
5. Menyediakan laporan hasil keputusan pemeriksaan / penganalisaan makmal termasuk laporan bulanan, suku dan tahunan;
6. Bertanggungjawab terhadap keselamatan makmal dan memastikan prosedur keselamatan sentiasa dipatuhi;
7. Melatih staf makmal dalam bidang teknologi makmal yang bersesuaian;
8. Melaksanakan kerja-kerja dalam memajukan sesuatu metode atau teknik penganalisaan; dan
9. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain daripada arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.

DI SEKSYEN INDUSTRI AGRIMAKANAN

KEMAHIRAN:

1. Mempunyai pengalaman dalam pembangunan dan penambahbaikan produk-produk agrimakanan serta pembungkusan makanan adalah kelebihan.



2. Berkemahiran dalam pengendalian, pemeliharaan dan pemuliharaan peralatan-peralatan pemprosesan makanan adalah kelebihan.
3. Berkebolehan mengendali peralatan / peralatan berkomputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) adalah kelebihan.
4. Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
5. Berkebolehan dalam reka bentuk bahan-bahan promosi dan video bagi laman sesawang dan media sosial bagi promosi pemasaran produk-produk agrimakanan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan pembangunan produk untuk dikomersialkan berdasarkan sumber ternakan dan tanaman tempatan yang berpotensi meningkatkan keluaran produktiviti industri agrimakanan;
2. Membimbang dan memberi khidmat nasihat kepada pengusaha agrimakanan dalam pembangunan dan penambahbaikan produk;
3. Menyediakan dan menjalankan program produk formulasi, reka bentuk pembungkusan *dummy*, latihan penggunaan mesin pemprosesan dan pembungkusan;
4. Membantu melaksanakan pemindahan teknologi pemprosesan dan pembungkusan produk baru untuk dikomersialkan kepada pengusaha berpotensi dan sedia ada;
5. Membantu memadankan pengusaha dan syarikat kepada pereka, pembekal pembungkusan dan pembekal mesin pembungkusan;
6. Menyediakan laporan saintifik dan kaji selidik berkaitan dengan pembangunan produk, pemprosesan dan pembungkusan;
7. Menguruskan dan memastikan bangunan Inkubator pemprosesan makanan berfungsi dan berjalan dengan lancar;
8. Menghasilkan informasi dalam bentuk media *IT*, *leaflet*, poster dan sebagainya; dan
9. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain daripada arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.